

# KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

## PERATURAN 13

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993  
[P.U.(A)395/1993]



**PASTIKAN JUMLAH POTONGAN GAJI ANDA TIDAK MELEBIHI 60% DARIPADA EMOLUMEN BULANAN ANDA DAN BAKI GAJI AKHIR ANDA MELEBIHI 40%**

- 1) Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa-apa jua cara pun menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.
- 2) Seseorang pegawai disifatkan sebagai berada dalam keterhutangan kewangan yang serius sekiranya :
  - (a) jika agregat hutang dan liabilitinya yang tak bercagar pada bila-bila masa tertentu melebihi jumlah wang sebanyak enam (6) kali emolumen bulannya;
  - (b) jika pegawai itu seorang penghutang penghakiman dan hutang penghakiman itu belum lagi dijelaskan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penghakiman itu; atau
  - (c) jika pegawai itu seorang bankrap atau seorang pemakan gaji yang solven, mengikut mana-mana yang berkenaan, selagi apa-apa penghakiman terhadapnya yang memihak kepada Pegawai Pemegang Harta masih belum dijelaskan, atau selagi tidak ada pembatalan penghukuman kebankrapannya.

Seseorang pegawai yang tidak melaporkan atau melengahkan dalam melaporkan keterhutangan kewangan yang serius atau yang melaporkannya tetapi tidak mendedahkan hutangnya dengan sepenuhnya atau memberi keterangan yang palsu atau yang mengelirukan mengenainya adalah melakukan suatu pelanggaran tatatertib yang serius (walau apa pun yang mula-mula menyebabkan keterhutangan kewangan yang serius itu), dan boleh menyebabkan dirinya dikenakan tindakan tatatertib.



UNIT INTEGRITI  
JABATAN PERTANIAN  
ARAS 14, WISMA TANI  
PUTRAJAYA